



مَحَلِّيٌّ تِلَاوَةُ الْقُرْآنِ وَتَعْبُدُكَ بِغَيْرِ شَيْءٍ

MAJLIS TILAWAH AL-QURAN

PERINGKAT KEBANGSAAN KE-58

DEWAN MUKTAMAR, KOMPLEKS PUSAT ISLAM
JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (JAWI)
KUALA LUMPUR

1 HINGGA 6 REJAB 1436H
BERSAMAAN
20 HINGGA 25 APRIL 2015M

PERPADUAN NADI TRANSFORMASI NEGARA



مَحَلِّيٌّ تِلَاوَةُ الْقُرْآنِ وَتَعْبُدُكَ بِغَيْرِ شَيْءٍ

MAJLIS TILAWAH AL-QURAN

PERINGKAT KEBANGSAAN KE-58

DEWAN MUKTAMAR, KOMPLEKS PUSAT ISLAM
JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (JAWI)
KUALA LUMPUR

1 HINGGA 6 REJAB 1436H
BERSAMAAN
20 HINGGA 25 APRIL 2015M

PERPADUAN NADI TRANSFORMASI NEGARA



**SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XIV
ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH**

D.K., D.K.H., D.K.M., D.M.N., D.U.K., D.M.K., D.K.(Kelantan),, D.K.(Pahang),, D.K.(Selangor),,
D.K.(Perlis),, D.K.(Negeri Sembilan),, D.K.(Johor),, D.K.(Terengganu),, D.K.(Perak),, D.K.(Brunei),, D.P.(Sarawak),,
D.U.N.M., S.M.D.K., S.H.M.S., S.G.M.K., S.P.M.K., S.S.D.K., Grand Cordon of The Order of the Rising Sun of Japan,
Bintang Maha Putra Adipradana (Indonesia), Order of the Rammata Thailand, Honourable Knight Grand Cross Order of the Bath of U.K.,
Asso. Knight Order of St. John, Hon. Ph.D (UUM), Collar of the Supreme Order of the Chrysanthemum and Grand Cordon of the Supreme
Order of the Chrysanthemum (Japan), Knight of the Most Illustrious Order of The Royal House of Chakri (Thailand).




**SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG
TUANKU HAJAH HAMINAH**

D.M.N., D.K., D.K.H.,

Grand Cordon of The Order of the Precious Crown (Japan),

Knight Grand Cross (First Class) of the Most Illustrious Order of Chula Chom Klaow (Thailand).



Perutusan
YAB PERDANA MENTERI

MAJLIS TILAWAH AL-QURAN
PERINGKAT KEBANGSAAN KE-58
TAHUN 1436H/2015M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58 Tahun 1436H/2015M dapat diadakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. ahli keluarga serta para sahabat Baginda sekalian.

Perpaduan Nadi Transformasi Negara telah dipilih sebagai tema Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58 ini. Pemilihan tema ini seiring dengan usaha Kerajaan untuk terus memperkuatkan kesatuan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat lebih-lebih lagi untuk mencapai negara maju menjelang tahun 2020.

Hakikatnya, usaha untuk merealisasikan impian Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi berdasarkan acuan masyarakat dan budaya setempat bukanlah satu usaha yang mudah dan singkat ranjau perjalannya. Segala cabaran dan halangan telah ditempuh dengan penuh berhikmah dan berhemah bagi memastikan impian dan harapan tersebut dapat direalisasikan. Untuk itu, segenap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, agama dan budaya perlu terus memperkuatkan semangat perpaduan nasional, bertolak ansur dan saling membantu dalam melahirkan kerukunan, keharmonian dan kebersamaan antara satu sama lain.

Umat Islam pada hari ini berhadapan dengan pelbagai ancaman, propaganda dan anasir negatif daripada pihak-pihak tertentu yang cuba

mengeksplorasi dan merancang untuk memecah-belahkan umat Islam serta melemahkan pegangan akidah dan amalan beragama mereka. Ini termasuk ancaman daripada puak pelampau agama yang mendakwa berjuang atas nama Islam dan jihad. Justeru, menjadi tanggungjawab setiap individu muslim tanpa mengira fahaman politik dan latar belakang pendidikan untuk memperkuuhkan ukhuwah Islamiah dan ikhlas berjuang mempertahankan kesucian agama Islam dan ketinggian syiar-Nya demi memastikan Islam terus berada di persada unggul.

Pada kesempatan ini saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat bagi menjayakan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58 ini. Penganjuran majlis ini bukan hanya sekadar platform untuk memerdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran semata-mata, malah ia sebahagian daripada medium dakwah yang

berkesan untuk menjadikan Al-Quran sebagai panduan dan pedoman dalam setiap aspek kehidupan. Majlis tilawah yang dianjurkan saban tahun ini juga telah menjadi bukti komitmen dan tekad berterusan Kerajaan dalam meneruskan agenda pembangunan Islam sesuai dengan konsep maqasid syariah yang berpaksikan kekuatan iman dan pengurusan negara yang berstrategi.

Mudah-mudahan segala usaha dan amal bakti yang dicurahkan mendapat keredhaan Allah S.W.T. dan ganjaran yang setimpal daripada-Nya.

Sekian, *Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran diraja'kan kehadrat Allah S.W.T. selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. seluruh ahli keluarga dan para sahabat Baginda S.A.W.

Syukur tidak terhingga dipanjangkan ke hadrat Allah S.W.T. atas segala nikmat kesejahteraan, kemakmuran dan keteguhan iman, kerana atas limpah kurnia dan rahmat serta inayah-Nya, Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2015 Masihi bersamaan tahun 1436 Hijrah dapat dilaksanakan untuk ke-58 kalinya.

Mengimbau kembali sejarah tahun 1960, buat julung-julung kalinya telah bergema alunan ayat-ayat suci Al-Quran dalam majlis bersejarah di Tanah Melayu. Penganjuran Majlis Tilawah

Kata-kata Aluan MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

MAJLIS TILAWAH AL-QURAN
PERINGKAT KEBANGSAAN KE-58
TAHUN 1436H/2015M

Al-Quran Peringkat Kebangsaan kali pertama melalui program Siri Mencintai Kalam Allah ini telah disertai oleh 11 buah negeri Persekutuan Tanah Melayu. Alhamdulillah, majlis seumpama ini telah menjadi acara tahunan secara berterusan dari dahulu sehingga kini.

Sejajar taraf Al-Quran sebagai mukjizat terhebat, tidak dinafikan kandungannya menepati setiap peredaran zaman. Penghayatan bait-bait ayat dan pemahaman maksud yang tersurat mahu pun yang tersirat mampu melahirkan generasi *ulul albab*. Bahkan kehebatan Al-Quran mampu menyatu padukan ummah.

Pemilihan tema bagi Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan ini iaitu **Perpaduan Nadi Transformasi Negara** adalah bertepatan dengan situasi semasa. Tema ini amat relevan dan signifikan



dalam negara yang mempunyai penduduk berbilang bangsa, budaya dan agama seperti tanah air kita Malaysia.

Dalam Al-Quran telah termaktub Firman Allah S.W.T. dalam surah Ali Imran, ayat 103:

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah dan janganlah kamu bercerai-berai”

Tema Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58 ini juga berkait rapat dengan pengertian ayat Al-Quran di atas. Dalam negara yang mempunyai masyarakat majmuk seperti Malaysia, perpaduan dan keharmonian saling berkait rapat. Kedua-dua unsur ini perlu ada dalam sesebuah negara berbilang bangsa kerana tidak akan ada keharmonian tanpa wujudnya perpaduan. Malah Al-Quran secara eksklusif turut meraikan kepelbagaiannya bangsa dan pendapat, namun jalan yang merapatkan jurang antara setiap mereka adalah dengan perpaduan yang menjadi nadi kepada segala transformasi yang berlaku.

Sejajar dengan cara hidup hari ini, Al-Quran mengajar kita agar sentiasa bersikap positif, berlapang dada dan tidak bersikap terburu-buru, terutama dalam menghukum sesuatu yang nampak hanya pada zahirnya. Penerimaan maklumat menerusi pelbagai media, khususnya media baru juga tidak wajar disensasikan tanpa dipastikan kesahihannya terlebih dahulu kerana ia boleh merosakkan perpaduan yang telah terbina.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan majlis tilawah ini. Semoga segala usaha dan titis keringat yang disumbang dalam memastikan kelancaran program ini diberi ganjaran dan diberkati Allah S.W.T.

Sekian.

Perpaduan Nadi Transformasi Negara

YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B)



Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, segala puji-pujian hanya untuk Allah S.W.T. Tuhan yang mencipta dan mentadbir sekalian alam, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. ahli keluarga serta para sahabat Baginda sekalian.

Dengan penuh rasa tawaduk saya panjatkan rasa kesyukuran kehadrat Allah S.W.T. kerana limpah kurnia dan izin-Nya, maka pada tahun ini Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTQK) Ke-58 dapat diteruskan lagi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada YB Menteri di Jabatan

Kata-kata Aluan **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

MAJLIS TILAWAH AL-QURAN
PERINGKAT KEBANGSAAN KE-58
TAHUN 1436H/2015M

Perdana Menteri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kerana telah memilih Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai tuan rumah bagi penganjuran MTQK Ke-58 Tahun 1436H/2015M. Program seumpama ini sangat besar manfaat dan erti bagi masyarakat di Wilayah Persekutuan kerana dapat bersama-sama menyokong dan memeriahkan majlis yang mulia ini. Selain itu juga, kesucian dan keunggulan Al-Quran juga dapat dihayati serta kekal tersemat di sanubari setiap generasi sehingga kini.

Penurunan Al-Quran telah berlalu lebih dari 1400 tahun yang lalu, namun ayat-ayat Al-Quran tetap terpelihara kesuciannya dan tidak akan berubah sehinggalah ke hari kiamat. Al-Quran merupakan mukjizat agung yang Allah S.W.T. kurniakan kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. untuk disampaikan kepada seluruh umatnya dan

mengajak manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini berfikir, merenung dan mengkaji hasil ciptaan yang Maha Esa dan seterusnya menjadi hamba yang taat dan patuh kepada perintah dan suruhan-Nya.

Al-Quran mengandungi pelbagai ilmu dan rahsia-rahsia alam yang kadangkala tidak tercapai oleh akal untuk memikirkannya. Sebagai hamba yang dipertanggungjawabkan memegang amanah sebagai khalifah di dunia ini, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menerokai ilmu-ilmu yang terdapat di dalam Al-Quran, seterusnya mendalami dan menghayati apa yang terkandung di dalam Al-Quran untuk diaplikasikan ke dalam kehidupan seharian. Daripada penghayatan itulah manusia akan dapat melihat betapa agongnya kekuasaan Allah S.W.T. yang berkuasa mencipta segala bentuk kejadian yang hebat dan tiada tandingannya.


Mendalami tema MTQK kali ini iaitu **Perpaduan Nadi Transformasi Negara**, saya merasakan ia amat tepat dengan senario yang berlaku terhadap umat Islam di Malaysia pada hari ini yang kelihatan semakin berpecah akibat berbagai-bagai fahaman dan ideologi. Al-Quran yang diturunkan oleh Allah S.W.T. kepada kita adalah petunjuk dan pedoman bagi umat Islam dalam segenap bidang

kehidupan. Justeru, umat Islam akan bersatu padu selagi mereka terus berpegang dan beramal dengan isi kandungan Al-Quran. Adalah diharapkan dengan penganjuran majlis seperti ini, usaha Kerajaan melaksanakan berbagai program transformasi untuk pembangunan ummah di Malaysia khasnya dan di dunia amnya dapat direalisasikan apabila Al-Quran dihayati dan diamalkan dalam setiap urusan kehidupan.

Dikesempatan yang ada ini, marilah kita sama-sama menghayati keindahan Al-Quran yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. kepada umat Islam melalui utusan-Nya, Nabi Muhammad S.A.W. dan menyemarakkan semangat Al-Quran di dada umat Islam dan seterusnya mengaplikasikannya dalam kehidupan.

Akhir kata, saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58 Tahun 1436H/2015M.

Sekian, wassalam.



YB DATO' SERI TENGKU ADNAN
BIN TENGKU MANSOR



Kata-kata Aluan
KETUA PENGARAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

MAJLIS TILAWAH AL-QURAN
PERINGKAT KEBANGSAAN KE-58
TAHUN 1436H/2015M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama menzahirkan kesyukuran kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58 Tahun 1436 Hijrah bersamaan 2015 Masihi kali ini dapat diadakan di Wilayah Persekutuan.

Sesungguhnya Al-Quran adalah manual kehidupan sekalian orang yang bertaqwa. Firman Allah S.W.T. dalam Surah Al-Baqarah ayat 2 dan 3 mafhumnya;

“Kitab Al-Quran ini, tidak ada keraguan padanya petunjuk bagi mereka yang bertakwa. Iaitu orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan sembahyang, serta membelanjakan sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka.”

Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang diadakan setiap tahun oleh Kerajaan mempunyai gagasan yang amat besar khususnya dalam memartabatkan agama Islam dalam konteks Malaysia. Disamping menggalakkan usaha penambahbaikan dalam bacaan Al-Quran, penganjuran majlis ini adalah antara langkah untuk mengajak umat Islam agar sentiasa menekuni dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran. Dalam keadaan umat Islam sedang berhadapan dengan pelbagai serangan pemikiran kontemporari, maka kefahaman berkaitan ilmu-ilmu Al-Quran dan Al-Hadith adalah amat mustahak untuk dikuasai oleh umat Islam.

Selain itu, sebagai langkah pengukuhan kefahaman umat Islam dalam bidang Al-Quran, Kerajaan sentiasa memperkasakan program-program pengajian dan kefahaman Al-Quran di pelbagai

institusi seperti Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, masjid-masjid dan surau-surau termasuk institusi pengajian tinggi.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus memastikan penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58 Tahun 1436 Hijrah bersamaan 2015 Masihi berjalan lancar. Mudah-mudahan usaha kita bersama akan dinilai sebagai amal soleh.

Sekian.

*Wabillahittaufiq wal Hidayah. Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.*



DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA

Ulasan Tema *Perpaduan Nadi Transformasi Negara*

Perpaduan

Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“Hendaklah kamu bersama jamaah dan janganlah kamu berpecah (keluar dari jamaah)”

(Riwayat At-Tirmizi)

Kejayaan Rasulullah S.A.W. mengukuhkan dua sisi perpaduan iaitu dimensi sesama umat Islam dan pelbagai kabilah, merupakan model perpaduan terbaik dalam kehidupan beragama, bermasyarakat dan bernegara. Bahkan menerusi peristiwa penghijrahan Rasulullah S.A.W. dari Mekah ke Madinah telah membawa kepada satu transisi peradaban yang memacu transformasi kegemilangan tamadun manusia. Terasnya adalah kejayaan mempromosi dan melaksana prinsip penerimaan, kenegaraan dan keadilan sosial sehingga berupaya menyusun serta mengatur landskap kehidupan masyarakat yang pelbagai dan mewujudkan konsep *Unity in Diversity* – perpaduan dalam kepelbagaian.

Prinsip Perpaduan - Penerimaan

Fitrah alam dicipta dalam pelbagai bentuk dan ragam. Namun dalam menjamin kelestarian dan keharmonian hidup, Islam yang tegas dengan prinsipnya turut meraikan kepelbagaian tersebut kerana ia adalah anugerah daripada Maha Pencipta.

Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan suku puak, supaya kamu berta’aruf dan berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)…”

(Surah Al-Hujurat 49:13)

‘Bersatu teguh, bercerai roboh’ - begitulah pepatah yang sinonim dengan perpaduan. Menerusi firman Allah S.W.T. di atas jelas bahawa Islam amat menekankan persefahaman dan perpaduan antara kaum dan agama demi kepentingan bersama. Konsep

Perpaduan Nadi Transformasi Negara

ta'aruf dalam kemajmukan iaitu sentiasa mengikis prasangka dan salah faham serta saling menerima mampu mencerna masyarakat bernegara yang bersatu padu. Disamping itu, rakyat mestilah berusaha mencari persamaan dan mengecilkan perbezaan. Sekiranya sensitiviti itu berjaya diurus dengan pertimbangan toleransi, persefahaman dan penerimaan sepenuhnya, maka ia mampu memperkuuhkan perpaduan sedia ada sehingga mampu digembung menjadi kekuatan dan nadi kepada transformasi sebuah negara.

Prinsip Perpaduan - Kenegaraan

Piagam Madinah merupakan dokumen pertama yang menjadi asas kepada urus tadbir sebuah negara. Kejayaan Rasulullah S.A.W. ini telah menghasilkan suasana kehidupan rakyat yang menitikberatkan hal persaudaraan dan bersatu padu menjaga negara. Dalam konteks sebuah negara berdaulat yang memiliki komuniti majmuk dan berlatarbelakang rakyat pelbagai, Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan merupakan punca kuasa dan rujukan terpenting dalam usaha menjamin hak-hak kepelbagaian tersebut. Selain itu, kestabilan politik dalam urus tadbir negara turut memainkan

peranan penting dalam memperkuuh kuasa tenaga penyatuuan berteraskan persefahaman, kerjasama, perundingan dan persetujuan. Pendekatan eksklusif dan inklusif yang dijadikan mekanisma dalam meraikan kepelbagaian, telah berjaya menghasilkan suasana perpaduan, saling menghormati dan bertoleransi yang menghiasi kehidupan bermasyarakat seterusnya menjadi nadi kepada perubahan yang lebih baik. Natijahnya, kesejahteraan hidup terpelihara, semangat patriotisma rakyat meningkat serta imej keselamatan dan keamanan negara dapat diperkasakan.

Prinsip Perpaduan - Keadilan Sosial

Islam adalah agama keadilan dan kesaksamaan. Peristiwa peletakkan *'hajarul al-aswad'* membuktikan bahawa Islam membawa mesej keadilan yang menjamin kesejahteraan hidup. Pelaksanaannya juga merangkumi segenap aspek kehidupan yang meliputi ekonomi, politik, sosial dan pelbagai lagi serta merentasi segenap lapisan masyarakat tanpa diskriminasi. Disamping itu, kebertanggungjawaban, penzahiran dan ketelusan serta imbangan merupakan asas nilai dan etikanya. Dalam hal ini, komitmen individu dan pemerintah sangat



Perpaduan Nadi Transformasi Negara

penting sebagai penentu kejayaan dalam usaha merealisasikan misi tersebut. Sesungguhnya masyarakat yang mengerti mahalnya harga perpaduan tidak akan membuat tuntutan yang melampau sehingga mencetuskan riak-riak permusuhan. Sebaliknya, masyarakat yang cintakan perpaduan dan keamanan adalah masyarakat yang akan meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan kelompok dan kepartian. Natijahnya, nilai integriti jadi budaya, kejayaan yang dikecapi dapat dinikmati secara bersama dan kemakmuran dapat dikongsi dengan lebih meluas.

Perpaduan Nadi Transformasi Negara

Hakikatnya, keunikan negara Malaysia adalah kerana kemajmukannya. Kontrak sosial, latar belakang sejarah dan Perlembagaan Negara perlu menjadi kerangka perpaduan dalam membina satu ummah yang hebat dan mampu memacu

tranformasi negara. Dalam mendepani cabaran global, usaha melaksana ketiga-tiga prinsip tersebut dalam menghasilkan kestabilan politik, kemantapan ekonomi dan pembangunan modal insan, seharusnya dijadikan agenda transformasi utama dan indikator kepada dimensi sebuah negara maju yang seimbang. Ia selari dengan kehendak *maqasid syariah* yang bersifat sejagat berteraskan *maslahah*, keadilan dan berhikmah serta mempunyai tujuan yang amat jelas. Sesungguhnya kesejahteraan negara menuntut integrasi, keikhlasan dan komitmen semua pihak dalam memastikan semangat perpaduan dan kesefahaman terus segar. Bahkan ia dibina di atas landasan kesederhanaan, kesantunan dan kesatuuan dengan satu matlamat ke arah kemajuan dan pembangunan seimbang yang menatijahkan '*Baldatun Toyyibatun Warabbun Ghafur*'.



Rasional Logo



Keterangan Warna :

- █ Warna kuning sebagai lambang institusi beraja dan ketua agama
- █ Warna emas sebagai simbol sesuatu yang berharga sesuai dengan Al-Quran yang amat berharga bagi umat Islam kerana ia adalah kalam Allah, mukjizat Rasulullah yang kekal hingga kini dan kaya dengan ilmu pengetahuan serta petunjuk yang jelas.
- █ Warna coklat sebagai simbol tradisi diwarisi selaras dengan Al-Quran yang diwarisi daripada Rasulullah SAW sebagai harta yang paling bernilai.
- █ Warna tona biru sebagai simbol cahaya, ia simbolik kepada Al-Quran sebagai cahaya petunjuk



*Rekabentuk Astaka
Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat
Kebangsaan Ke-58 Tahun 1436H/2015M*



*Astaka Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat
Kebangsaan Ke-58 Tahun 1436H/2015M*

Sekitar Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan 2014



Johan Qari Tahun 2014

AHMAD TERMIZI BIN HAJI ALI

Johan Qariah Tahun 2014

HANIMZAH BINTI HJ. JALALUDDIN

Peserta Tilawah

Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58

Tahun 1436H/2015M

Wilayah Persekutuan



HAJI MOHAMAD NOR BIN AHMAD



NOOR SUHAIZA BINTI CHULAN

Perlis



KHALIL KHUSAIRI BIN ZAINOL



SELASIAH BINTI AKOB

Peserta Tilawah

Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58

Tahun 1436H/2015M

Kedah



MOHAMMAD NAZIF BIN ZULKHAIRI



NURUL HUSNA BINTI SHARIF

Pulau Pinang



MUHAMMAD SIDDIQ BIN MOHD ROSLI



AWATIF BINTI ABD MAJID

Peserta Tilawah

Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58

Tahun 1436H/2015M

Perak



SYAMSUL BIN ABU HASAN AL-SHAARI



PUTERI KALIMATUL AZZUA BINTI HAMID

Selangor



ABDUL KHAIR BIN JALIL



NOR RUZANA NATIAH BT JAAFAR

Peserta Tilawah

Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58

Tahun 1436H/2015M

Kelantan



WAN AINUDDIN HILMI BIN ABDULLAH



MUNIRAH BINTI KASIM

Terengganu



HAJI MOHAMAD HAFAS BIN HAJI ALI



NOR HIDAYAH BT ABD RAHMAN

Peserta Tilawah

Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58

Tahun 1436H/2015M

Pahang




MOHD SYAHEED BIN SABRI



SITI HUSNA BINTI HASSAN

Negeri Sembilan



MOHAMAD HUSAINI BIN MAHMUR



NOORLIZA BINTI TAJUDIN

Peserta Tilawah

Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58

Tahun 1436H/2015M

Melaka



AZRAIE BIN DATO' ABDUL HAK



SUHAILAH BINTI ZULKIFLY

Johor



MOHAMAD MUSLIM BIN ALWI



NOR SYUHADA BINTI MUHAMAD

Peserta Tilawah

Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58

Tahun 1436H/2015M

Sarawak




HAMIM BIN MOHD SHAHIB



HAJAH ROZIAH BINTI HAJI AYUP

Sabah



AFIZAN BIN WANGKEE



HAJAH SANAYAH BINTI JANAID

Jemaah Hakim
Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58
Tahun 1436H/2015M

Pengerusi

YBhg. Dato' Haji Othman bin Mustapha

Timbalan Pengerusi

YBrs. Tuan Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim

Setiausaha

YBrs. Tuan Haji Abdul Karim bin Zakaria

Ahli-Ahli

YBhg. Tan Sri Dato' Syaikh Haji Ismail bin Muhammad

YBhg. Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Haji Azhari

YBhg. Dato' Haji Ahmad Termizi bin Haji Mohamad

YBhg. Dato' Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail

YBhg. Dato' Haji Sallehuddin bin Omar

YBhg. Dato' Haji Muhammad bin Hasri

YBhg. Dato' Haji Sha'ri @ Shangari bin Abdullah

YBhg. Dato' Haji Sheikh Roslan bin Haji Abdul Halim

YBhg. Dato' Haji Ahmad Faizul bin Ghazali

YBrs. Tuan Haji Ismawi bin Duet

YBrs. Tuan Haji Abdul Rahim bin Haji Ahmad

YBrs. Tuan Haji Azhari bin Othman

Atur Cara Majlis Perasmian

Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58 Tahun 1436H/2015M

Pada 20 April 2015M

-
- 8.15 malam : Ketibaan Dif-Dif Jemputan
- 8.50 malam : Ketibaan YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B)
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan YBhg. Datuk Seri Fatmawati binti Haji Saidin
- 9.00 malam : Ketibaan YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin
Timbalan Perdana Menteri dan YABhg. Puan Sri Datin Paduka Noorainee binti Haji Abdul Rahman
- : Bacaan Doa oleh Sahibus Samahah Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri,
Mufti Wilayah Persekutuan
- : Ucapan Aluan Dato' Haji Othman bin Mustapha,
Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- : Ucapan Perasmian Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58
Tahun 1436H/2015M oleh YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin
Timbalan Perdana Menteri
- : Bacaan Al-Quran oleh Qari Jemputan, Johan Qari Tilawah Al-Quran
Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa 2014
- : YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin Timbalan Perdana Menteri dan
YABhg. Puan Sri Datin Paduka Noorainee binti Haji Abdul Rahman Meninggalkan Majlis
- : YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B) Menteri di Jabatan Perdana
Menteri dan YBhg. Datuk Seri Fatmawati binti Haji Saidin Meninggalkan Majlis
- : Majlis Bersurai

Atur Cara Penuh

Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58 Tahun 1436H/2015M

HARI PENDAFTARAN - 30 JAMADILAKHIR 1436H/19 APRIL 2015M (AHAD)

- | | | |
|-------------|---|--|
| 2.00 petang | : | Pendaftaran Urus Setia/Qari/Qariah |
| 6.00 petang | : | Makan Malam |
| 8.30 malam | : | Taklimat dan Undian Giliran Membaca Al-Quran |

HARI PERTAMA - 01 REJAB 1436H/20 APRIL 2015M (ISNIN)

- | | | |
|-------------------|---|--|
| 7.00 pagi | : | Sarapan Pagi |
| 8.30 pagi | : | Taklimat dan Undian Giliran Membaca Al-Quran |
| 12.00 tengah hari | : | Makan Tengah Hari |
| 2.00 petang | : | Pendaftaran Jemaah Hakim |
| 2.30 petang | : | Raptai Majlis Perasmian Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58 |
| 4.30 petang | : | Minum Petang |
| 6.00 petang | : | Makan Malam |
| 8.00 malam | : | Majlis Perasmian Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58 Tahun 1436H/2015M |
| 11.00 malam | : | Majlis Bersurai |

Atur Cara Hari Kedua

02 Rejab 1436H/21 April 2015M (Selasa)



Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58 Tahun 1436H/2015M

- | | | |
|-------------------|---|---|
| 7.00 pagi | : | Sarapan Pagi |
| 8.30 pagi | : | Taklimat dan Undian Giliran Membaca Al-Quran |
| | | Seminar Al-Quran Peringkat Kebangsaan |
| 11.00 pagi | : | Mesyuarat Jemaah Hakim |
| 12.00 tengah hari | : | Makan Tengah Hari |
| 2.00 petang | : | Sambungan Seminar Al-Quran |
| 4.30 petang | : | Minum Petang |
| 6.00 petang | : | Makan Malam |
| 8.00 malam | : | Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58 hari kedua |
| | : | Bacaan 4 orang peserta |
| | : | Ceramah Penghayatan dan Penguasaan Al-Quran Dalam Kehidupan oleh |
| | | Sahibus Samahah Dr. Haji Zulkifly bin Muda, Mufti Negeri Terengganu |
| | : | Bacaan 3 orang peserta |
| 11.00 malam | : | Majlis Bersurai |

Atur Cara Hari Ketiga

03 Rejab 1436H/22 April 2015M (Rabu)

Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58
Tahun 1436H/2015M

7.00 pagi	:	Sarapan Pagi
8.30 pagi	:	Taklimat dan Undian Giliran Membaca Al-Quran
	:	Lawatan Qari/Qariah
		Muzium Keseniaan Islam
12.00 tengah hari	:	Makan Tengah Hari
4.30 petang	:	Minum Petang
6.00 petang	:	Makan Malam
8.00 malam	:	Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58 hari ketiga
	:	Bacaan 4 orang peserta
	:	Ceramah Al-Quran dan Ilmu Pengetahuan oleh
		Sahibus Samahah Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan
	:	Bacaan 3 orang peserta
11.00 malam	:	Majlis Bersurai



Atur Cara Hari Keempat 04 Rejab 1436H/23 April 2015M (Khamis)

Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58 Tahun 1436H/2015M

7.00 pagi	: Sarapan Pagi
8.30 pagi	: Taklimat dan Undian Giliran Membaca Al-Quran
	: Lawatan Qari/Qariah
12.00 tengah hari	: Makan Tengah Hari
4.30 petang	: Minum Petang
6.00 petang	: Makan Malam
8.00 malam	: Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58 hari keempat
	: Bacaan 4 orang peserta
	: Ceramah Al-Quran dan Sains oleh
	YBrs. Ustaz Roslan Mohamed, Pensyarah Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya
	: Bacaan 3 orang peserta
11.00 malam	: Majlis Bersurai


Atur Cara Hari Kelima 05 Rejab 1436H/24 April 2015M (Jumaat)

Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58 Tahun 1436H/2015M

7.00 pagi	: Sarapan Pagi
8.30 pagi	: Taklimat dan Undian Giliran Membaca Al-Quran
	: Lawatan Qari/Qariah
12.00 tengah hari	: Makan Tengah Hari
4.30 petang	: Minum Petang
6.00 petang	: Makan Malam
8.00 malam	: Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58 hari kelima
	: Bacaan 4 orang peserta
	: Ceramah Al-Quran dan Ilmu Qiraat oleh
	YBrs. Dr. Muhammad Lukman bin Ibrahim, Pensyarah Akademi Universiti Malaya
	: Bacaan 3 orang peserta
11.00 malam	: Majlis Bersurai



Atur Cara Hari Keenam 06 Rejab 1436H/25 April 2015M (Sabtu)



Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58 Tahun 1436H/2015M

7.00 pagi	:	Sarapan Pagi
8.30 pagi	:	Lawatan Qari/Qariah
11.00 pagi	:	Mesyuarat Jemaah Hakim
12.00 tengah hari	:	Jamuan Makan Tengah Hari
2.30 petang	:	Raptai Majlis Penutupan Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58
4.30 petang	:	Minum Petang
6.00 petang	:	Makan Malam
8.00 malam	:	Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58
11.00 malam	:	Majlis Bersurai

Atur Cara Majlis Penutupan Dan Penyampaian Hadiah Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58 Tahun 1436H/2015M Pada 25 April 2015M



- 8.15 malam : Ketibaan Dif-Dif Jemputan
- 8.50 malam : Ketibaan YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B)
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan YBhg. Datin Seri Fatmawati binti Haji Saidin
- 9.00 malam : Ketibaan YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak
Perdana Menteri dan YABhg. Datin Sri Rosmah Mansor
 - : Bacaan Doa oleh Sahibus Samahah Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri,
Mufti Wilayah Persekutuan
 - : Ucapan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B),
Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengurus Bersama Jawatankuasa Induk,
Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58 Tahun 1436H/2015M
 - : Pengumuman Keputusan Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58
Tahun 1436H/2015M
 - : Persembahan Bacaan Al-Quran oleh Peserta Terbaik Tilawah Al-Quran Peringkat
Kebangsaan Ke-58 Tahun 1436H/2015M
 - : Penyampaian Hadiah Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58
Tahun 1436H/2015M oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri
 - : YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri
dan YABhg. Datin Sri Rosmah Mansor Meninggalkan Majlis
 - : YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B) Menteri di Jabatan Perdana
Menteri dan YBhg. Datin Seri Fatmawati binti Haji Saidin Meninggalkan Majlis
 - : Majlis Bersurai

Gambar Ahli Jawatankuasa Induk

Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58

Tahun 1436H/2015M



Ahli Jawatankuasa Induk

Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58

Tahun 1436H/2015M

Pengerusi

YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B)
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Setiausaha

YBhg. Dato' Haji Othman bin Mustapha
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Ahli-Ahli

- | | |
|--|--|
| 1) YBhg. Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah binti Syed Ahmad
Jawatankuasa Penerangan dan Seranta
Kementerian Komunikasi dan Multimedia | 6) YBrs. Tuan Haji Ahmad Kamal Shamsuddin
Jawatankuasa Telekomunikasi
Telekom Malaysia Berhad |
| 2) YBhg. Datuk Wan Hamidah binti Wan Ibrahim
Jawatankuasa Sambutan VVIP, VIP dan Protokol
Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa | 7) YBrs. Ir. Cheong Pui Keng
Jawatankuasa Persiapan Astaka, Teknikal,
Mekanikal dan Elektrikal
Jabatan Kerja Raya Malaysia |
| 3) YBhg. Dato' Haji Othman bin Mustapha
Pengerusi Jawatankuasa Kehakiman | 8) YBhg. Senior DCP Dato' Tajudin bin Md Isa
Jawatankuasa Keselamatan Lalu Lintas
Polis Diraja Malaysia |
| 4) YBrs. Encik Kamis bin Samin
Jawatankuasa Hadiah dan Cenderamata
Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa | 9) YBhg. Datuk Dr. Narimah Nor bin Yahaya
Jawatankuasa Perubatan, Kecemasan dan Kebajikan
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan |
| 5) YBhg. Dato' Haji Ibrahim bin Abdul Rahman
Jawatankuasa Buku Cenderamata
Jabatan Penerangan Malaysia | |

Ahli Jawatankuasa Induk

Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58

Tahun 1436H/2015M



- 10) YBrs. Puan Hajah Zaiton binti Abdul Rahman
Jawatankuasa Jamuan dan Keraian
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
- 11) YBrs. Tuan Haji Musa bin Ramli
Jawatankuasa Pengangkutan
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
- 12) YBrs. Tuan Haji Zakariah bin Isa
Jawatankuasa Penginapan
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
- 13) YBhg. Datuk Hj. Mhd Amin Nordin bin Abd Aziz
Jawatankuasa Hiasan dan Persiapan Pentas
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- 14) YBrs. Puan Hajah Azizah binti Che Hassan
Jawatankuasa Pameran dan Persembahan Khas
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
- 15) YBrs. Syed Yahya bin Syed Othman
Jawatankuasa Lawatan
Tourism Malaysia
- 16) YBrs. Encik Mat Jusoh bin Sudin
Jawatankuasa Sambutan Orang Ramai dan Jemputan
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
- 17) YBrs. Encik Mohd. Halimi bin Ibrahim
Jawatankuasa Kewangan
Bahagian Kewangan, JAKIM
- 18) YBhg. Dato' Haji Mustafa Kamal bin A. Razak
Jawatankuasa Rakaman dan Siaran Langsung
Bahagian Media, JAKIM
- 19) YBrs. Encik Suhaimi bin Ali@Ahmad
Jawatankuasa Keurusetiaan
Bahagian Perhubungan, JAKIM

Sekalung Budi


*Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-58
Tahun 1436H/2015M*



ISTANA NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
JABATAN PENYIARAN MALAYSIA
JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN
JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
TELEKOM MALAYSIA
POLIS DIRAJA MALAYSIA
LEMBAGA TABUNG HAJI
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
TOURISM MALAYSIA
RADIO TELEVISYEN MALAYSIA
PERBADANAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
PERTUBUHAN AKHBAR, BERITA DAN PIHAK MEDIA
DAN PERSEORANGAN

DAN SEMUA PIHAK YANG MEMBERIKAN KERJASAMA DAN SOKONGAN
DALAM MENJAYAKAN MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT
KEBANGSAAN KE-58

Autograf



Autograf



DITERBITKAN OLEH
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA